

Rujukan Kami : LPIPM : SPT/BSB/01/4/1 ( 26 )  
Tarikh : 09 Ogos 2021

Kepada sesiapa yang berkenaan,

**PEMAKLUMAN KEPADA PENGIMPORT BERKENAAN PENGURUSAN**  
**CERTIFICATE OF APPROVAL (COA) SEMASA PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)**

1. Merujuk kepada situasi semasa yang berlaku di dalam negara, pihak CIDB telah menetapkan proses pengeluaran COA bagi pengimport yang telah mempunyai kebenaran beroperasi dari MITI atau kementerian lain yang berkenaan akan berjalan seperti kaedah biasa sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
2. Verifikasi fizikal oleh pegawai CIDB akan mula dijalankan pada **11 Ogos 2021** di pelabuhan atau di mana-mana permis yang telah dipersetujui oleh Pengurus Besar/ Pengarah Negeri/ Pengurus Cawangan.
3. Walaubagaimanapun, verifikasi di pelabuhan adalah amat digalakkan bagi mengurangkan pergerakan yang boleh menyebarkan COVID-19 di kalangan pegawai CIDB. Sekiranya terdapat kekangan dan pengimport memilih verifikasi dijalankan di luar kawasan pelabuhan, pengimport perlu memastikan perkara berikut:
  - i. Pengimport/wakil pengimport perlu berada dalam keadaan sihat serta bebas dari gejala awal COVID-19 seperti demam, batuk & selsema semasa menetapkan tarikh verifikasi dengan CIDB.
  - ii. Bertanggungjawab memaklumkan kepada pegawai CIDB sekiranya pada masa verifikasi dijalankan pengimport/wakil pengimport berada dalam keadaan tidak sihat.
  - iii. Memakai *face shield & face mask* sepanjang tempoh verifikasi dijalankan oleh pegawai CIDB.
  - iv. Memaklumkan kepada CIDB sekiranya terdapat kes positif COVID-19 di premis yang CIDB telah menjalankan verifikasi.
  - v. Memastikan kawasan pemeriksaan adalah terbuka dan mempunyai peredaran udara yang baik.
  - vi. Produk yang akan diperiksa telah diasingkan mengikut nombor permohonan COA dan disusun dengan kemas mengikut gred/saiz bagi memudahkan pegawai CIDB memeriksa produk.
4. Jika perkara ini tidak dipatuhi atau pengimport dengan sengaja mengabaikan makluman seperti di para 3. maka pihak CIDB berhak untuk tidak meneruskan verifikasi berkenaan dengan serta merta dan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kos yang timbul.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BINA SEMPURNA"**

  
**TS. MOHD IDRUS BIN DIN**

Pengurus Besar

Bahagian Standard dan Bahan Binaan

b.p. Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia